



CARTA ALIR

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN AGENSI PENGEMBARAAN



CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN AGENSI PENGEMBARAAN



Maklumat Perhubungan

Bahagian Pelesenan Pelancongan
Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia
Aras 1, No.2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

03-8891 7204
03-8891 7201
www.motac.gov.my
@MyMOTAC



Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia (MOTAC)

Bahagian Pelesenan Pelancongan (PLN)



PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN



myPORTFOLIO

PENGENALAN

Lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan merupakan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh MOTAC berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah **Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]**. Prosedur permohonan lesen ini bertujuan untuk memastikan setiap syarikat perniagaan pengendalian pelancongan didaftar dan dilesenkan mengikut Akta tersebut dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Kelayakan Permohon

Syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan. Pemegang saham syarikat asing hendaklah beroperasi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang pelancongan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Pembelian e-Info SSM melalui sistem **Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP)**;
- Salinan MyKad (Warganegara Malaysia) berwarna/ Pasport (Bukan Warganegara Malaysia) berwarna bagi Pemegang Saham dan Ahli Lembaga Pengarah;
- Ahli Lembaga Pengarah warganegara asing hendaklah memiliki pas pengajian (*expatriate*) terlebih dahulu;
- Bagi syarikat asing salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat dan / atau hendaklah disahkan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) atau Kedutaan Malaysia atau Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di negara berkenaan.

- Pengesahan bebas tuntutan award tertunggak dalam sektor pelancongan dari Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).
- Maklumat perbankan:
 - i. Muka hadapan penyata akaun semua bank atas nama syarikat yang memohon.
 - ii. *Director Resolution* bagi semua akaun yang dibuka atas nama syarikat yang memohon.

TATACARA PERMOHONAN

- Melengkapkan maklumat permohonan di dalam SPIP melalui laman sesawang **www.spip.gov.my**.
- Semua dokumen yang dinyatakan hendaklah dimuatnaik ke dalam SPIP.

BAYARAN PEMROSESAN LESEN

- Pembayaran secara **online RM100.00** bagi setiap permohonan di **www.spip.gov.my**; atau
- Pembayaran secara manual **RM100.00** dalam bentuk Wang Pos/ Deraf Bank/ Kiriman Wang sahaja atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**.



FI LESEN

BIL.	BIDANG	TEMPOH LESEN	FI LESEN
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	1 tahun	RM250.00
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	1 tahun	RM500.00
3.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah	1 tahun	RM500.00
4.	Perniagaan Agensi Pengembaraan	1 tahun	RM200.00
5.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri dan Luar Negeri	1 tahun	RM750.00
6.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	1 tahun	RM450.00
7.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	1 tahun	RM700.00
8.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri dan Luar Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	1 tahun	RM950.00
9.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri, Luar Negeri termasuk Umrah dan Ziarah & Perniagaan Agensi Pengembaraan	1 tahun	RM1,450.00

SYARAT-SYARAT

SYARAT-SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

BIL.	JENIS PERNIAGAAN	PEMANGK SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN (MINIMA)
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 1,500,000.00
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Syarikat Asing (ASEAN)	70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja	Bandar / Luar Bandar	RM 1,000,000.00
3.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Syarikat Asing (Bukan ASEAN)	30%	Bandar / Luar Bandar	RM 500,000.00
4.	Perniagaan Agensi Pengembaraan	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar	RM 1,500,000.00
5.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
6.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00 RM 50,000.00
7.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
8.	Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00 RM 100,000.00
9.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
10.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00 RM 150,000.00
11.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
12.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00

Nota: (1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**
(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**